

4 April 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi TSH Resources Berhad – TSH Plantation Management Sdn Bhd, Kilang Kelapa Sawit Kunak dan ladang sawit – Kunak, Tawau, Sabah, Malaysia

TSH Resources Berhad (RSPO Membership No: 1-0173-14-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Kunak dan ladang-ladanginya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 4 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh TSH Plantation Management Sdn Bhd. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Kunak, Tawau, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan utama Kilang Kelapa Sawit Kunak pada 9 hingga 11 Mei 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan *RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills*: June 2017. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Kilang Kelapa Sawit Kunak dan Ladang – Ladang	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Kunak
Kapasiti Kilang (mt/jam)	75 mt/jam
Lokasi	Kunak, Tawau, Sabah, Malaysia
Alamat	Batu 41, Jalan Tawau-Kunak Highway 91200, Kunak, Tawau, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	118° 10.94" E ; 04° 27.88" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2018) (MT)	6,417.73 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2018) (MT)	1,721.83 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2018) (MT)	31,306.00 mt

Ladang	Rujukan GPS	Kawasan Matang (Ha)	Kawasan Belum Matang (Ha)	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Anggaran Pengeluaran FFB (MT)
LKSK	118° 04.330" E ; 04° 29.636" N	930	0	930	23,250
Landquest	118° 20' 08.1" E ; 04° 25' 43.9"N	187	183	370	4,706
Maju Sawit	116° 10.940" E ; 04° 27.893" N	122	50	172	3,050
Wakuba	118° 04.219" E ; 04° 17.398" N	12	3	15	300
TOTAL		1,323	164	1,487	31,306

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawaian BSI adalah sebuah Badan Piawaian Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia. Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu dan ladang-ladanginya terdiri daripada: **En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Amalan Pertanian Terbaik di Ladang, Aspek Undang-Undang

dan Alam Sekitar); **En. Mohamed Hidhir Zainal Abidin** sebagai Juruaudit (Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial); **En. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:

Alamat:

Email:

Nombor Telefon:

Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengurus Skim RSPO

Mr. Nicholas Cheong
BSI Services Malaysia Sdn Bhd
Unit 10-03, Level 10, Tower A
The Vertical Business Suites
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur Malaysia
Fax : +603-2242 4218
Email : Nicholas.Cheong@bsigroup.com

DAN/ATAU**Auditee:**

Mr George Kuruvilla
Senior Estate Manager
TSH Resources Berhad
Jalan Apas & Bangunan TSH, TB9, KM 7
91000 Tawau
Sabah, Malaysia
Fax : +089 913 000
Email : George.kuruvilla@tsh.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....
Nicholas Cheong
Pengurus Skim RSPO